


# PERKEMBANGAN POLITIK - EKONOMI DI MALAYSIA DAN ASIA TIMUR



**Editor**

Mohd Faisal Syam Abdol Hazis

Ahmad Nizar Yaakub

Ahi Sarok



Cetakan Pertama 2004  
© Mohd Faisal Syam Abdol Hazis,  
Ahmad Nizar Yaakub,  
Ahi Sarok

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit, Universiti Malaysia Sarawak terlebih dahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.

Dicetak di Malaysia oleh  
Syarikat Perusahaan Dayamin  
Lot 143, 1st Floor, Abell Road,  
93100 Kuching, Sarawak.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohd. Faisal Syam Abdol Hazis, 1974-  
Perkembangan Politik-ekonomi di Malaysia dan Asia Timur /  
Mohd. Faisal Syam Abdol Hazis, Neilson Ilan Mersat, Ahi Sarok.  
ISBN: 983-9257-12-9  
1. Malaysia-Politics and government-Congresses 2. Malaysia-Economics conditions congresses.  
3. East-Economics conditions congresses. 4. East Asia-Politics and government-Congresses.  
I. Neilson Ilan Mersat. II. Ahi Sarok, 1957-. III. Judul.  
3209595

# KANDUNGAN

<b>Pendahuluan</b>	vii - xiii
1 Demokrasi Digital di Malaysia <i>Mohd Faisal Syam Abdol Hazis</i>	1 - 19
2 Dasar Luar Malaysia: Suatu Kritikan <i>Ahmad Nizar Yaakub</i>	20 - 36
3 Pendatang Asing Tanpa Izin di Malaysia: Implikasi dan Cabaran <i>Ahi Sarok</i>	37 - 53
4 Dasar Negara Ke Arah Keselamatan Maritim <i>Ahi Sarok</i>	54 - 65
5 Pembangunan ICT untuk Masyarakat Luar Bandar: Cabaran dan Peluang dalam Merealisasi Projek ICT di Dataran Bario, Sarawak <i>Poline Bala</i>	66 - 78
6 Pendemokrasian di Asia Tenggara: Satu Tinjauan Umum Terhadap Pilihan raya di Malaysia, Filipina, Kampuchea dan Indonesia. <i>Neilson Ilan Mersat dan Noor'ain Aini</i>	79 - 99

- 7 Cabaran dalam Merealisasikan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) 100 - 111  
*Ahmad Nizar Yaakub*
- 8 Integrasi Ekonomi: Langkah Ke Arah Mengulangi "Keajaiban Ekonomi" ASEAN? 112 - 124  
*Noor'ain Aini*
- 9 Peranan Rejim Alam Sekitar ASEAN Dalam Menangani Masalah Alam Sekitar 125 - 141  
*Wan Nor H Wan Zan*
- 10 PBB, ASEAN dan Timor Timur 142 - 152  
*Suseela Devi Chandran*
- 11 Perang Dingin di Asia? Satu Tinjauan Hubungan Amerika Syarikat-China Selepas Insiden 1 April 2001. 153 - 164  
*Suseela Devi Chandran*

## PENDAHULUAN

Buku bertajuk Perkembangan Politik-Ekonomi di Malaysia dan Asia Timur ini mengandungi sebelas artikel yang telah dihasilkan oleh para pensyarah dari Program Kajian Politik dan Pemerintahan dan Program Kajian Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak. Artikel-artikel yang terkandung di dalam buku ini merupakan himpunan artikel-artikel yang telah dibentangkan oleh mereka dalam dua seminar dalaman yang bertajuk Politik Malaysia dan Isu-isu Serantau. Seminar pertama telah diadakan pada 22 Januari 1999 manakala seminar kedua pula berlangsung pada 14 Julai 2001.

Perubahan drastik yang berlaku pada penghujung tahun 1990-an dan alaf baru baik di Malaysia mahupun ASEAN telah mendesak perlunya diadakan lebih banyak perbincangan secara kritis untuk menilai arah tuju perkembangan politik dan ekonomi di rantau ini.

Dalam konteks Malaysia, keutuhan Malaysia sebagai sebuah negara yang bebas dan berdaulat turut diuji di peringkat domestik. Krisis kewangan dan ekonomi yang telah melanda Malaysia pada penghujung 1997 telah memaksa Malaysia mengambil beberapa langkah drastik dalam usahanya untuk memulihkan ekonomi sehingga mendatangkan kecaman dari pihak luar. Dalam kesibukan menangani masalah ekonomi negara, masyarakat dikejutkan dengan pelucutan jawatan bekas Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim atas tuduhan rasuah dan tidak bermoral. Rusuhan atas nama reformasi diadakan dalam usaha kelompok tertentu untuk menumbangkan kerajaan yang sedia ada.

Namun demikian, Malaysia terus mengamalkan pemerintahan demokrasi dan memberi keutamaan kepada rakyat untuk memilih tumpuk pemerintahan. Pilihan raya Negeri Sabah dan Parlimen yang diadakan pada 1999 yang berjalan dengan lancar telah menunjukkan bahawa demokrasi masih utuh di Malaysia.

Dalam konteks ASEAN pula, krisis kewangan dan ekonomi yang pada mulanya melanda Thailand telah merebak hampir kesemua negara terutamanya di rantau Asia Tenggara. Keadaan ini mendorong setiap negara mengambil langkah tersendiri dalam usaha menyelesaikan masalah ekonomi mereka.

Pertengahan tahun 1998, masyarakat antarabangsa digemparkan dengan reformasi politik di Indonesia iaitu demonstrasi pelajar secara aman bertukar menjadi rusuhan ganas yang melibatkan pertumpahan darah. Kejatuhan pemerintahan Suharto setelah berkuasa selama 33 tahun memberi petanda awal kepada negara-negara Asia Tenggara terutamanya tentang kesedaran pemulihian politik dan kesedian untuk menerima perubahan. Sementara itu pada tahun 1999 menyaksikan Timor Timur mendapat hak untuk merdeka daripada pemerintahan pusat di Indonesia.

Alaf baru telah menyaksikan perkembangan pesat dalam bidang teknologi maklumat yang menyebabkan proses globalisasi semakin hebat. Sempadan dunia semakin kabur dan maklumat mengalir tanpa sekatan dalam semua aspek kehidupan malahan politik. Tuntutan terhadap ketelusan pemerintahan negara semakin mendapat perhatian umum. Pada asasnya, rakyat menuntut kerajaan yang telus dalam segala tindakan dan dasar yang dilaksanakan. Di samping itu, kuasa bukan lagi hanya terletak pada kerajaan yang memerintah tetapi juga rakyat. Perpindahan kuasa atau memperkasakan rakyat sudah tentunya menyumbang kepada kerajaan yang lebih telus dan bertanggungjawab.

Kandungan buku ini dibahagikan kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama membicarakan topik yang menyentuh perkembangan politik dalam era digital serta beberapa perkembangan dalam dasar awam negara termasuk dasar luar, dasar terhadap pendatang tanpa izin, dasar terhadap maritim negara dan usaha kerajaan untuk memperkembangkan pembangunan ICT kepada masyarakat di luar bandar di Malaysia. Manakala bahagian kedua pula membincangkan perkembangan ekonomi yang berlaku di rantau ASEAN dan Asia Timur.

Terdapat lima artikel dimuatkan dalam bahagian pertama. Artikel pertama berjudul “Demokrasi digital di Malaysia” yang ditulis oleh Mohd Faisal Syam membincangkan tentang potensi dan cabaran yang dibawa oleh internet dalam memberi ruang yang lebih besar kepada rakyat untuk bersuara dalam proses demokrasi. Artikel ini pada awalnya melihat evolusi konsep dan amalan demokrasi sejak zaman Aristotle sehingga kewujudan demokrasi digital. Perbincangan seterusnya kepada aspek peranan dan potensi internet dalam mencorakkan semula sistem demokrasi dengan kes kajian di Malaysia.

Artikel ini kemudiannya cuba melihat cabaran yang dihadapi oleh sesebuah negara dalam melaksanakan demokrasi digital terutamanya kepada persoalan kemampuan rakyat mengakses internet dan kesungguhan kerajaan bersikap lebih terbuka dan bebas dalam mengawal maklumat.

Artikel kedua berjudul “Dasar Luar Malaysia: Suatu Kritikan” oleh Ahmad Nizar Yaakub membincangkan perkembangan politik di Malaysia khususnya dasar luar negara. Artikel ini cuba membincangkan dasar luar Malaysia dari aspek konsep dan juga historikal. Artikel cuba meneliti konsep serta matlamat dasar luar secara umum. Seterusnya, beliau membincangkan tentang proses penggubalan dasar luar bagi negara yang mengamalkan sistem demokrasi dan juga bukan demokrasi. Setelah penulis menjelaskan konsep dasar luar secara umum, beliau kemudiannya cuba menganalisis pendekatan dasar luar yang diamalkan oleh kerajaan di bawah empat Perdana Menteri Malaysia yang berbeza. Penganalisaan penulis terhadap dasar luar Malaysia ini bertujuan untuk menjelaskan pelbagai faktor yang berperanan dalam membentuk dasar luar negara.

“Pendatang Tanpa Izin di Malaysia: Implikasi dan Cabaran” tulisan Ahi Sarok pula membincangkan faktor-faktor yang menarik pendatang tanpa izin datang ke Malaysia. Aspek yang dikaji dalam penulisan ini adalah implikasi kedatangan pendatang tanpa izin terhadap negara dalam konteks peningkatan kadar jenayah, setinggan, beban kos terhadap perkhidmatan awan seperti pendidikan dan perubatan. Kebanjiran pendatang tanpa izin di Malaysia telah menyebabkan kerajaan terpaksa mengambil langkah-langkah drastik dalam membendung kemasukan mereka.

Antara langkah-langkah kerajaan yang dibincangkan oleh penulis artikel ini adalah pindaan terhadap Akta Imigresen 1959 yang mengetarkan kawalan dan hukuman terhadap pendatang tanpa izin, program pemutihan, penyerahan diri pendatang tanpa izin tanpa sebarang hukuman dan peningkatan operasi menyekat kedatangan pendatang tersebut. Di samping itu, aspek moral petugas awam dan kerjasama dua hala dalam mengawal kemasukan pendatang tanpa izin juga dibincangkan. Perlu difahami bahawa semua tindakan kerajaan dalam menangani isu pendatang tanpa izin ini bertujuan untuk menjaga kepentingan nasional dan kedaulatan negara.

Artikel keempat iaitu “Dasar Negara Ke Arah Keselamatan Maritim” mengupas beberapa isu dan cabaran yang dihadapi oleh kerajaan Malaysia dalam menjaga keselamatan di perairan negara supaya ia lebih selamat digunakan. Artikel ini dibahagikan kepada tiga

bahagian yang utama. Bahagian pertama membincangkan kepentingan maritim kepada negara. Menurut penulisnya, Ahi Sarok, kawasan maritim mempunyai dua kepentingan kepada negara; iaitu kepentingan strategik dan kepentingan ekonomi. Kawasan maritim negara merupakan laluan kapal yang strategik dan hampir 90 peratus perdagangan negara melalui laluan laut sama ada Selat Melaka atau Laut China Selatan. Kawasan maritim yang kaya dengan sumber asli turut menyumbang kepada pertumbuhan negara, di samping itu kawasan maritim khususnya pulau-pulau yang ada di kawasan maritim berupaya menjadi tarikan pelancong sama ada pelancong dari luar atau dalam negara. Terdapat beberapa isu yang menjadi cabaran dalam mengekalkan keselamatan perairan negara, iaitu pencerobohan oleh nelayan-nelayan asing dan juga oleh pendatang tanpa izin, dan juga Angkatan Laut - Tentera Nasional Indonesia. Pencemaran juga merupakan isu utama yang dibincangkan, iaitu pencemaran ini berpunca daripada perlanggaran kapal-kapal yang menggunakan Selat Melaka dan laluan perkapalan yang lain. Isu terakhir yang dibincangkan ialah penyeludupan yang berlaku di perairan negara.

Oleh kerana pelbagai isu yang timbul dalam menjamin keselamatan perairan negara, kerajaan telah mengambil beberapa langkah proaktif. Langkah-langkah tersebut termasuklah menyertai Konvensyen Undang-undang Laut, melaksanakan sistem Kawalan Laut di Selat Melaka yang berkonsepkan pengawasan melalui radar, dan meningkatkan keupayaan agensi penguatkuasaan.

Artikel kelima dalam bahagian pertama buku ini ditulis oleh Poline Bala yang berjudul “Pembangunan ICT untuk Masyarakat Luar Bandar, Cabaran dan Peluang Dalam Merealisasi Projek ICT di Dataran Bario, Sarawak” membincangkan cabaran yang wujud dalam usaha membangunkan ICT di kawasan terpencil iaitu Dataran Bario, di pedalaman Sarawak. Masalah kekurangan kemudahan asas seperti jalan raya, alat komunikasi dan prasarana yang lain turut menyumbang kepada masalah tersebut. Artikel ini juga menerangkan beberapa masalah yang dihadapi oleh para pengkaji dalam membuat kajian tentang persepsi masyarakat bandar terhadap pembangunan ICT di Dataran Bario.

Bahagian kedua buku ini yang mengandungi enam artikel membincangkan perkembangan politik dan ekonomi di ASEAN dan Asia Timur. Artikel pertama iaitu “Pendemokrasian di Asia Tenggara: Satu Tinjauan Umum Terhadap Pilihan raya di Malaysia, Filipina, Kampuchea dan Indonesia” membincangkan secara khusus pilihan raya yang diadakan di empat buah negara ASEAN sebagai salah satu aspek

penting dalam proses pendemokrasian. Sesebuah negara yang tidak memberi kuasa kepada rakyatnya untuk memilih kerajaan melalui pilihan raya sering dikatakan tidak demokratik, walaupun pilihan raya diadakan tapi tidak dijalankan dengan adil dan bebas ia tetap dianggap tidak demokratik. Artikel itu menyatakan unsur-unsur demokrasi seperti pilihan raya tetap diadakan dan berkembang di Asia Tenggara walaupun sedang menghadapi krisis ekonomi dan kewangan. Melalui proses pilihan raya, jelas bahawa rakyat di keempat-empat negara tersebut masih menganggap bahawa sistem pemerintahan dan kerajaan demokrasi adalah yang paling sesuai buat mereka. Kehadiran pemerhati antarabangsa dalam pilihan raya di Kampuchea dan keputusan pilihan raya di Malaysia, Indonesia dan Filipina juga telah dapat diterima oleh semua pihak yang bertanding serta diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa amnya.

“Cabaran dalam Merealisasikan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA)” tulisan Ahmad Nizar Yaakub merupakan artikel kedua dalam bahagian ini. Artikel ini membincangkan tentang susur galur penubuhan AFTA dan cabaran yang dihadapi dalam usaha menjadikan kawasan perdagangan bebas ini suatu realiti. Artikel ini mengenal pasti beberapa isu serta cabaran yang perlu dipandang serius serta ditangani oleh negara anggota ASEAN dalam memastikan kejayaan AFTA.

Artikel “Integrasi Ekonomi ASEAN: Langkah Ke Arah Mengulangi Keajaiban Ekonomi” ASEAN? tulisan Noor’ain Aini membincangkan sama ada kejayaan ekonomi negara-negara ASEAN sebelum krisis ekonomi dan kewangan yang bermula penghujung 1997 dapat diulangi semula. Kejayaan ekonomi ASEAN pada awal dan pertengahan dekad 90-an dianggap bukan sebagai keajaiban atau kebetulan tetapi lebih kepada kesungguhan, usaha giat dan dasar-dasar kerajaan negara ASEAN yang pragmatik. Artikel ini turut membincangkan komitmen dan tindakan positif anggota-anggota ASEAN meneruskan integrasi ekonomi dengan meneruskan konsep AFTA dan bukan mengasingkan diri walaupun menghadapi krisis ekonomi dan kewangan. Di samping itu, aspek-aspek lain dalam meningkatkan integrasi ekonomi ASEAN turut dibincangkan dalam artikel ini seperti Skim Kerjasama Industri ASEAN (AICO), Kawasan Pelaburan ASEAN (AIA) dan inisiatif e-ASEAN.

Artikel keempat “Peranan Rejim Alam Sekitar ASEAN Dalam Menangani Masalah Alam Sekitar” cuba menganalisis peranan yang dimainkan oleh regim alam sekitar dalam mengatasi masalah alam sekitar di rantau ini. Isu penting yang disentuh oleh penulis artikel, Wan

Noor Halizan, ialah kesan pembalakan hutan hujan tropika ke atas negara di rantau ASEAN. Di samping itu, usaha-usaha untuk menubuh regim alam sekitar di ASEAN turut dibincangkan dengan lebih lanjut. Menurut penulis, ASEAN telah mula sedar kepentingan menjaga dan memulihara alam sekitar selepas hampir semua negara ASEAN dilanda jerebu pada September 1997 hingga 1998 disebabkan oleh kebakaran hutan yang melanda Sumatera dan Kalimantan. Akibat daripada itu, negara ASEAN telah merangka kerjasama di kalangan ahlinya. Tetapi menurut penulis, kerjasama itu kurang berjaya kerana kebanyakan ahli tidak sanggup menerima perjanjian ketat yang dikenakan.

Manakala dalam artikel berjudul “PBB, ASEAN dan Timor Timur”, tulisan Suseela Devi Chandran, cuba menganalisis pergolakan politik yang tercetus di Timor Timur setelah ia diberi kemerdekaan oleh mantan Presiden Indonesia, B. J. Habibie. Artikel ini membincangkan dengan mendalam latar belakang konflik di Timor Timur dari perspektif sejarahnya, bagaimana Portugis pada tahun 1520 telah menakluki Timor Timur dan kemudiannya oleh empat kuasa asing iaitu Sepanyol, Belanda, British dan Jepun. Pada 27 Julai 1976 wilayah Timor Timur telah jatuh ke tangan Indonesia. Konflik Timor Timur berpunca dari tuntutan kebebasan oleh penduduk Timor Timur dan keengganan kerajaan Indonesia untuk mengiktiraf tuntutan tersebut. Pendekatan ketenteraan yang digunakan oleh kerajaan Indonesia terhadap penduduk Timor Timur menjadi kemuncak konflik tersebut. Turut dibincangkan dalam artikel ini ialah peranan yang dimainkan oleh PBB dalam menyelesaikan kemelut politik di Timor Timur. Walaupun PBB telah menghadapi beberapa masalah dalam menyelesaikan konflik di Timor Timur, penulis berpendapat bahawa sumbangan PBB dalam menyelesaikan konflik di wilayah tersebut tidak seharusnya diperkecilkan.

Peranan ASEAN dalam meredakan konflik di wilayah Timor Timur turut dianalisis. Menurut penulis, Timor Timur telah memohon bantuan dari organisasi antarabangsa dan bukan dari ASEAN kerana ASEAN masih belum bersedia sepenuhnya untuk berdepan dengan isu-isu yang strategik. Lagipun salah satu dari negara ASEAN, Indonesia merupakan pihak yang terbabit di dalam konflik tersebut.

Artikel terakhir dalam bahagian kedua buku ini ialah “Perang Dingin di Asia? Satu Tinjauan Hubungan Amerika Syarikat-China Selepas Insiden 1 April 2001” tulisan Suseela Devi Chandran. Artikel ini cuba membincangkan situasi tegang di Asia Timur - hubungan Amerika Syarikat-China. Insiden pelanggaran kapal terbang pengintip kepunyaan tentera Amerika Syarikat dan kapal terbang

kepunyaan tentera China yang berlaku pada 1 April 2001 membawa dimensi baru dalam hubungan Amerika Syarikat dan China. Bahagian awal artikel ini memberi gambaran strategik rantau Asia Timur selepas tamatnya Perang Dingin dan diikuti dengan satu tinjauan terhadap hubungan AS-China selepas berlakunya Perang Dingin. Artikel ini juga menganalisis kesan insiden pertembungan kapal perang tentera kedua-dua negara yang berlaku pada 1 April 2001 terhadap hubungan AS-China. Di bahagian akhir artikel ini cuba menilai hubungan AS-China dari dua perspektif. Perspektif pertama ialah sama ada hubungan tersebut berbentuk persaingan dan perspektif kedua sama ada hubungan tersebut berbentuk kerjasama.

Penerbitan buku ini diharap boleh dijadikan bahan rujukan berguna kepada para pelajar dalam bidang Sains Politik, Sains Dasar dan Kajian Antarabangsa, khususnya kepada pelajar yang memerlukan bahan rujukan yang ditulis dalam Bahasa Melayu.

## INTEGRASI EKONOMI: LANGKAH KE ARAH MENGULANGI “KEAJAIBAN EKONOMI” ASEAN?

Noor'ain Aini

### Pengenalan

Usaha ASEAN ke arah integrasi ekonomi telah bermula sejak Deklarasi Bangkok yang menyaksikan penubuhan ASEAN pada 1967. Dari awal penubuhannya, ASEAN telah menyentuh tentang kepentingan dan masalah bersama yang dialami oleh negara-negara di Asia Tenggara. Sehubungan itu, ia telah cuba membentuk asas yang kuat untuk tindakan bersama dalam mempromosi kerjasama serantau. Namun begitu, kerjasama ekonomi pada masa tersebut adalah terhad kepada program *joint venture* dan *complementation* di kalangan negara-negara atau syarikat-syarikat ASEAN. Contohnya, rancangan Projek Industri ASEAN (1976), Skim Komplementasi Industri ASEAN (1981) dan program *Joint Venture* Industri ASEAN (1983) telah dilaksanakan.

Sepanjang tahun 1980-an dan 1990-an apabila perkembangan ekonomi beberapa negara Asia mula menonjol, kebanyakan negara mengambil langkah untuk membuka ekonomi kepada persaingan dan pasaran antarabangsa sebagai jalan terbaik untuk pembangunan pada masa tersebut. Tambahan pula, perkembangan teknologi telah menggalakkan pengaliran bebas sumber manusia, modal, barang dan perkhidmatan. Faktor ini telah mendorong kebanyakan negara lain di dunia untuk membuka pasaran mereka. Ini adalah kerana model negara

yang mengamalkan pembangunan ekonomi secara *protectionism* dengan melindungi syarikat-syarikatnya daripada persaingan asing telah menampakkan ketidak berkesanan dan kemunduran.

Di seluruh dunia, gejolak globalisasi dan kemajuan teknologi yang berkembang pesat telah mendorong negara-negara untuk bergabung dalam pelbagai cara. Mereka terpaksa bertindak demikian untuk kekal berdaya saing dalam dunia masa kini dengan memperluaskan pasaran mereka, menarik pelaburan, mengurangkan kos, menambah keberkesanan dan mempertingkatkan produktiviti. Bagi negara-negara ASEAN, kedudukan geografi dan tahap pembangunan yang hampir serupa meyakinkan mereka bahawa cara terbaik untuk bekerjasama bagi pembangunan bersama adalah dengan membuka ekonomi masing-masing dengan matlamat akhir ke arah integrasi ekonomi.

Oleh itu, langkah untuk menggabungkan kesemua negara-negara Asia Tenggara sekaligus membentuk ASEAN 10 dijangka akan mengukuhkan kedudukan ASEAN di dunia dari segi politik maupun ekonomi. Gabungan tersebut membentuk pasaran seluas 500 juta penduduk dan kombinasi KNK 90 peratus setanding China. Pasaran yang lebih luas bermaksud a) perdagangan dan pelaburan yang lebih pesat antara negara-negara ahli lama dan baru ASEAN dan b) keselarasan dasar dan pematuhan birokrasi akan mempertingkatkan daya saing ASEAN dan tarikkannya sebagai destinasi perniagaan (Fischer, 1997). Namun, pembesaran ASEAN telah menimbulkan banyak persoalan. Ramai tertanya-tanya apakah muslihat yang terselindung di sebalik pembesaran pertubuhan tersebut? Ini kerana kemasukan ekonomi-ekonomi yang lemah ke dalam ASEAN tidak memberikan impak yang banyak kepada pertubuhan tersebut baik dari segi politik maupun ekonomi. Apa yang nyata, saiz wilayahnya bertambah sebanyak 47 peratus dan saiz populasinya meningkat sebanyak 39.1 peratus. Namun jumlah perdagangan intra dan inter-ASEAN serta perdagangan dua hala tidak menampakkan perubahan yang ketara. Malah, jumlah eksport dua hala ASEAN 10 meningkat dalam jumlah yang kecil daripada 23.2 peratus kepada 24.9 peratus sahaja dalam tempoh 1998-1999 (Boytsov, 1999).

Apabila krisis kewangan<sup>1</sup> melanda Asia Tenggara pada Julai 1997, ramai pemerhati berpendapat bahawa negara-negara Asia Tenggara akan

<sup>1</sup> Banyak pendapat timbul tentang punca-punca berlakunya krisis tersebut. Namun pendapat yang paling popular menyalahkan kelemahan amalan kapitalisme Asia sebagai dalang kepada kejatuhan ekonomi Asia pada pertengahan tahun 1997. Asia Tenggara dikatakan sengaja mengundang masalah kerana sistem kewangannya dipenuhi rasuah, perdagangan dalam, pentadbiran korporat yang lemah, dan kerana pemimpin politik dan ekonomi Asia mengamalkan kapitalisme kroni (*crony capitalism*) (Hamilton, 1999) dan campur tangan dalam pasaran bebas atas dasar takut dan tamak (Pempel, 1999: 3; Lasserre & Schutte, 1999); Rudolph, 2000: 13).

mula mengasingkan diri sekaligus menamatkan visi integrasi ekonomi serantau.<sup>2</sup> Namun pada hakikatnya, perkara yang sebaliknya berlaku. Walaupun berada pada tahap kritisik krisis tersebut pada Disember 1997, para pemimpin ASEAN masih meneruskan visi mereka ke arah merealisasikan integrasi ekonomi ASEAN menjelang alaf baru.<sup>3</sup> "Visi 2020" tersebut menunjukkan komitmen pemimpin ASEAN ke arah "ikatan yang lebih rapat dan integrasi ekonomi dalam membentuk sebuah rantau ekonomi ASEAN yang stabil, kaya dan berdaya saing tinggi iaitu terdapatnya aliran bebas barang, perkhidmatan dan pelaburan, aliran bebas modal, pembangunan ekonomi yang serata, kadar kemiskinan serta perbezaan sosio-ekonomi yang rendah" (Severino, 2000).

Untuk tujuan ini, ASEAN tidak menghadkan usahanya kepada rancangan jangka panjang sahaja. Pada Sidang Kemuncak ASEAN ke-6 di Hanoi pada Disember 1998, ketua-ketua negara dan kerajaan ASEAN telah mengeluarkan *Statement of Bold Measures* yang dikatakan berani kerana langkah-langkah diambil walaupun semasa negara-negara tersebut sedang tenat dilanda krisis. Tanpa menunggu keadaan kewangan pulih semula, ASEAN telah memutuskan untuk mempercepatkan program-program meliberalisasikan perdagangan dan pelaburan di samping mengintegrasikan ekonomi di rantau tersebut. Selain itu, program untuk menjadikan Asia Tenggara kawasan perdagangan bebas turut dipercepatkan. Tarikh asal pada 2003 diubah ke 2002 agar kebanyakan barang yang diperdagangkan di rantau tersebut dikenakan tarif kurang daripada lima peratus lebih awal daripada yang dijangkakan.

Di samping itu, ASEAN juga meneruskan usahanya untuk mengimplementasi skim Kerjasama Industri ASEAN (AICO) yakni barang yang dihasilkan serta diperdagangkan antara dua negara ASEAN akan menikmati tarif 5 peratus atau kurang. Antara usaha lain, para pemimpin ASEAN turut bertindak mempercepatkan penubuhan Kawasan Pelaburan ASEAN (AIA) yang bermatlamatkan pengaliran bebas pelaburan di kebanyakan sektor. Pelaburan tersebut diperlukan untuk mengerakkan program-program ASEAN, membentuk jaringan

<sup>2</sup> Walaupun kesan krisis ekonomi yang bermula pada pertengahan 1997 dirasai oleh semua negara di Asia, namun "ketenatan" krisis tersebut dirasai pada tahap yang berbeza oleh setiap negara. Negara seperti Indonesia, Korea Selatan, Thailand dan Malaysia dilanda teruk sedangkang Singapura, Vietnam, Filipina, Taiwan, Myanmar dan China cuma terguris tetapi tidak luka parah (Winters 1999: 79).

<sup>3</sup> ASEAN mahupun APEC dikatakan tidak mampu untuk mencari jalan penyelesaian secara kolektif kepada masalah ekonomi yang melanda negara-negara ahli. Kebanyakan negara didakwa terpaksa bergantung kepada cara penyelesaian masing-masing (Pempel, 1999: 229; Lasserre & Schutte, 1999).

infrastruktur antara negara-negara ahli, termasuk Jaringan Paip Gas Trans-ASEAN dan Grid Tenaga ASEAN.

Sementara itu, menteri kewangan ASEAN menjalankan proses pemantauan secara kolektif dengan melakukan semakan terhadap ekonomi negara-negara ahli dari semasa ke semasa. Ini bertujuan untuk memastikan keluwesan keadaan kewangan dan belanjawan di rantau tersebut. Analisis tentang trend makroekonomi di rantau tersebut akan memberikan tanda amaran awal sekiranya berlaku sebarang penarikan keluar pelaburan asing secara mengejut dalam jumlah yang banyak seperti yang berlaku pada 1997 sehingga menyebabkan krisis ekonomi Asia.

### Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA)

Persetujuan dicapai pada tahun 1992 semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke empat iaitu negara-negara ahli bersetuju untuk membentuk Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) sebagai usaha pertama ke arah integrasi ekonomi rantau Asia Tenggara. Pasaran yang merangkumi hampir setengah bilion orang akan membolehkan syarikat-syarikat ASEAN memperoleh keuntungan ekonomi berskala. Di samping memperoleh harga terbaik untuk bahan-bahan mentah yang diperlukan, persaingan di kalangan mereka akan turut menstimulasikan keberkesanan dan produktiviti masing-masing. Integrasi ekonomi ASEAN yang padu akan menjadi daya tarikan kepada pelabur-pelabur dari luar rantau tersebut yang lazimnya memilih untuk melabur di pasaran yang luas, berintegrasi dan berkesan daripada pasaran yang kecil, berpecah dan tidak berkesan.

Mekanisma utama dalam pelaksanaan AFTA adalah skim Tarif Keutamaan Berkesan Am (*Common Effective Preferential Tariff* (CEPT)). Di bawah skim CEPT ini, tarif ke atas pelbagai barang yang diperdagangkan di rantau ASEAN sama ada dihapuskan atau dihadkan secara berperingkat kepada tahap maksima 5 peratus. Selain itu, had halangan kuantitatif terhadap jumlah barang tertentu yang diimport dan halangan-halangan bukan tarif lain seperti syarat teknikal yang tidak perlu akan turut dihapuskan.

Matlamat akhir AFTA ialah untuk menghapuskan duti import terhadap semua produk dan membentuk rantau yang benar-benar bebas cukai dan mengamalkan perdagangan bebas. Pada Sidang Kemuncak Tidak Rasmi ke-3 ASEAN di Manila pada tahun 1999, jadual asal 2015 telah dipercepatkan ke tahun 2010 untuk enam buah negara asal ASEAN--Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand. Manakala negara-negara baru ASEAN pula--Myanmar, Kampuchea,

Laos dan Vietnam telah menyatakan komitmen masing-masing untuk menghapuskan duti import menjelang tahun 2015 dan beberapa produk tertentu yang dikategorikan sebagai sensitif menjelang tahun 2018.

Menurut AFTA, produk diklasifikasikan kepada empat jenis. Senarai Inklusif<sup>4</sup>, Senarai Pengecualian Sementara<sup>5</sup> dan Senarai Sensitif<sup>6</sup> dengan jadual pemotongan tarif masing-masing serta Senarai Pengecualian Am<sup>7</sup>.

Pada tahun 1993, semasa AFTA mula dilancarkan, purata tarif di kalangan negara-negara ASEAN adalah 12.76 peratus. Kadar ini telah berjaya dikurangkan ke tahap 4.43 peratus pada tahun 2001 dan dijangka akan menurun ke 3.96 peratus pada 2002 dan 2.9 peratus pada 2003. Pada tahun 2000, selaras dengan *Statement of Bold Measures*, 85 peratus daripada Senarai Inklusif enam negara asal ASEAN telah pun berada dalam zon tarif 0-5 peratus (ASEAN Secretariat, 1999).

Di samping itu, ASEAN telah memperluaskan konsep perdagangan bebas untuk merangkumi perkhidmatan dengan membuka perdagangan perkhidmatan dalam semua bentuk. Untuk jangka masa pendek (1998-1999), ASEAN bersetuju untuk bekerjasama dalam subsektor di mana empat negara atau lebih terlibat sama ada melalui Perjanjian Am dalam Perdagangan Perkhidmatan (*General Agreement on Trade in Services* (GATS)) ataupun ASEAN *Framework Agreement on Services*. Ini meliputi sektor-sektor seperti pengangkutan udara, perkhidmatan perniagaan, pembinaan, perkhidmatan kewangan, pengangkutan air, telekomunikasi dan pelancongan (Economic Cooperation, 1999).

Data menunjukkan bahawa AFTA telah memberikan impak yang besar ke atas perdagangan intra-ASEAN yang berkembang daripada

<sup>4</sup> Produk dalam Senarai Inklusif terdiri daripada sebahagian besar produk ASEAN. Menjelang 2002, kesemua halangan bukan tarif dan kuantitatif untuk barang tersebut akan dibhapuskan, manakala tarif sama ada akan dihapuskan atau dihadkan ke maksima 5 peratus. Untuk tahun 2002, dijangkakan 90 peratus daripada tarif dalam senarai inklusif akan berada dalam lingkungan 0-5 peratus. Sementara itu, negara-negara baru ASEAN pula diberi tempoh masa yang lebih untuk mencapai objektif ini; 2006 untuk Vietnam, 2008 untuk Myanmar dan Laos dan 2010 untuk Kampuchea.

<sup>5</sup> Produk dalam Senarai Eklusif Sementara pula dikecualikan daripada pengurangan tarif buat sementara waktu. Walau bagaimanapun, barang tersebut akan dialihkan secara beransur-ansur ke dalam Senarai Inklusif iaitu tarif akhirnya akan dikurangkan ke lingkungan 0-5 peratus. Menjelang 2001, 8,660 tarif berada dalam senarai ini dan meliputi hanya 13 peratus daripada jumlah tarif negara-negara ASEAN.

<sup>6</sup> Barang dalam Senarai Sensitif pula terdiri daripada beberapa produk pertanian yang belum diproses. Produk tersebut tidak akan dimasukkan ke dalam AFTA sehingga tahun 2010. Negara-negara baru ASEAN turut diberi tempoh masa yang lebih untuk melaksanakannya; 2013 untuk Vietnam, 2015 untuk Laos dan Myanmar dan 2017 untuk Kampuchea. Garisan tarif dalam senarai ini meliputi hanya 0.6 peratus daripada jumlah tarif ASEAN.

<sup>7</sup> Skim CEPT, walau bagaimanapun, mengecualikan 829 tarif daripada AFTA secara kekal. Ini meliputi hanya 1.3 peratus daripada tarif AFTA, terdiri daripada produk yang dikecualikan daripada program perdagangan bebas ASEAN atas sebab-sebab keselamatan negara, moral awam, kesihatan awam atau perlindungan alam sekitar.

US\$43.26 bilion pada tahun 1993 kepada US\$85.4 bilion pada tahun 1997. Walaupun krisis ekonomi ASEAN mengecilkan perdagangan intra-ASEAN kepada US\$68.8 bilion pada tahun 1998, perdagangan meningkat ke US\$74.4 bilion pada tahun 1999 (Severino, 2000).

## Skim Kerjasama Industri ASEAN (AICO)

Melalui AICO, barang yang dihasilkan dan diperdagangkan antara syarikat-syarikat yang beroperasi dalam dua atau lebih negara ASEAN akan serta merta layak menerima layanan AFTA, iaitu dikenakan tarif antara 0-5 peratus. Antara insentif untuk syarikat-syarikat yang terlibat dalam skim AICO adalah ekonomi berskala, pengurangan dalam kos pengeluaran, dan pembahagian buruh dan sumber industri yang lebih berkesan.

Skim AICO meliputi barang dalam bentuk produk siap, komponen dan bahagian separuh siap, atau bahan mentah yang masing-masing dikategorikan sebagai Barang Siap AICO, Barang Separuhsiap AICO dan Bahan Mentah AICO. Barang Siap AICO mempunyai akses tidak terhad di pasaran negara-negara yang terlibat. Sementara itu, Barang Siap AICO dan Bahan Mentah AICO menikmati tarif 0-5 peratus hanya sekiranya bahan-bahan tersebut adalah penting sebagai input dalam pembuatan Barang Siap AICO.

Skim AICO menggariskan tiga syarat untuk sebuah syarikat layak terlibat dalam AICO: a) syarikat tersebut hendaklah dibentuk dan beroperasi di mana-mana negara ASEAN, b) mempunyai sekurang-kurangnya 30 peratus ekuiti nasional ASEAN, dan c) hendaklah mengamalkan perkongsian atau pengumpulan sumber, komplementasi atau kerjasama industri. Namun begitu, syarikat-syarikat yang tidak memenuhi syarat-syarat tersebut masih boleh terlibat dalam skim AICO sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat lain yang dikenakan oleh negara-negara individu yang terlibat (Economic Cooperation, 1999).

Pelaksanaan skim AICO telah berjaya menarik penglibatan banyak syarikat multinasional Eropah dan Jepun yang menggunakan kesempatan di atas kekuatan setiap negara ASEAN. Misalnya, sebuah syarikat Jepun yang beroperasi di beberapa negara ASEAN dalam skim AICO ini menganggarkan ia boleh menjimatkan sekurang-kurangnya 6 bilion yen dalam tempoh lima tahun. Setakat ini, sebanyak 63 kerjasama AICO sedang beroperasi dan menjana lebih daripada US\$700 milion dalam transaksi perdagangan setahun. Kebanyakan syarikat Jepun tersebut terdiri daripada syarikat automotif manakala yang selebihnya adalah syarikat-syarikat elektrikal dan elektronik (Severino, 2000; ASEAN Secretariat, 1999).

## Kawasan Pelaburan ASEAN (AIA)

Jika AFTA dan AICO berperanan menghapuskan halangan tarif di kalangan negara-negara ASEAN, maka Kawasan Pelaburan ASEAN (AIA) berperanan menghapuskan halangan pelaburan sekaligus melicinkan pengaliran pelaburan ke rantau tersebut. AIA dilancarkan pada Oktober 1998 semasa Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN ke-30 di Manila. Matlamat utama AIA ialah mempromosikan pengaliran masuk pelaburan langsung ke dalam dan antara ASEAN dengan menjadikan rantau tersebut kawasan pelaburan yang terbuka, liberal dan berdaya saing. AIA melibatkan liberalisasi dan kelincinan pelaburan dalam sektor-sektor pembuatan dan pertanian, perikanan, pembalakan dan perlombongan serta perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan. Program tersebut menggalakkan semua industri ASEAN agar lebih terbuka kepada pelabur dan pemberian layanan nasional kepada mereka kecuali dalam industri tertentu (ASEAN Investment, 2000).

Keistimewaan AIA ialah definisi liberal yang diberikan kepada "pelabur ASEAN" sebagai sesiapa yang memenuhi syarat-syarat nasional atau ekuiti mana-mana negara ahli yakni pelaburan tersebut akan dilakukan. Pelabur bukan ASEAN juga dibenarkan melabur di dalam sektor pembuatan dan menikmati kemudahan-kemudahan istimewa sekiranya mereka melabur sebelum penghujung tahun 2000. Antara keistimewaan yang diberikan adalah pengecualian cukai pendapatan, pemilikan ekuiti asing sepenuhnya, bebas cukai terhadap import barang modal, akses kepada pasaran domestik dan sekurang-kurangnya 30 tahun sewa untuk tanah industri (ASEAN Secretariat, 1999).

ASEAN menyedari bahawa Pelaburan Langsung Asing (FDI) memainkan peranan yang semakin penting dalam pembangunan ekonomi negara-negara ahli. Rantau ASEAN merupakan penerima utama aliran masuk FDI dengan lima negara ASEAN disenaraikan dalam 20 tempat-teratas penerima aliran masuk modal jangka panjang antara tahun 1997 hingga 1998. Antara tahun 1987 dan 1992, ASEAN menerima 24 peratus daripada jumlah pelaburan langsung asing dunia ke negara-negara membangun. Antara tahun 1990 dan 1991, ASEAN menerima 61 peratus daripada pengaliran masuk FDI ke Asia.<sup>8</sup> Dari segi

<sup>8</sup> Sebahagian besar daripada pelaburan dilakukan dalam sektor harta tanah dan saham. Pelabur asing merupakan pembeli terbesar ekuiti dalam pertukaran saham Thailand manakala di Jakarta, kemasukan wang asing dalam jumlah yang banyak meningkatkan modal pasaran saham hampir empat kali ganda, daripada 69 trilion rupiah (US\$23.4 billion) pada 1993 kepada 260 trilion rupiah pada 1996 (Pempel, 1999a: 74).

nilai, aliran masuk FDI ke dalam ASEAN bertambah daripada US\$16 bilion pada tahun 1993 kepada US\$27.6 bilion pada tahun 1997 sebelum jatuh kepada US\$19.5 bilion pada 1998 dan US\$16.2 bilion pada 1999.<sup>9</sup> Walau bagaimanapun, pelaburan dari Amerika Syarikat meningkat lebih daripada tujuh kali ganda kepada US\$9.4 bilion pada 1999 berbanding dengan US\$1.1 bilion pada tahun sebelumnya (Foong, 1999; Asean Secretariat, 1999; AIA, 2000; ASEAN Investment, 2000).

Di samping itu, integrasi ekonomi ASEAN menapak lebih jauh dengan projek pembinaan infrastruktur fizikal seperti jaringan jalan raya dan lebuh raya, jaringan pelabuhan dan lapangan terbang, grid tenaga ASEAN dan jaringan paip gas. Selain itu, ASEAN juga sedang melaksanakan hubungan telekomunikasi dalaman dan menyeragamkan peralatan telekomunikasi di rantau tersebut. Kesemua projek yang dinyatakan tadi memberikan peluang besar kepada para pelabur dan menjadi pemangkin kepada bentuk pelaburan dan aktiviti ekonomi lain (Severino, 2000).

Selain meliberalisasikan pelaburan, AIA juga bertujuan menjadikan ASEAN sebuah rantau pelaburan yang menarik melalui langkah-langkah tertentu seperti a) menjalankan program kerjasama dan bantuan pelaburan yang selaras, b) mempertingkatkan penglibatan sektor swasta, c) mempromosi aliran bebas modal, buruh mahir dan profesional, dan teknologi, d) meningkatkan keluwesan dalam dasar-dasar pelaburan, syarat-syarat, prosedur dan proses pentadbiran, serta e) memudahkan prosedur pelaburan. Meskipun rantau ASEAN telah menunjukkan kejayaan dalam menarik lebih banyak aliran FDI, langkah untuk meliberalisasikan pelaburan di rantau tersebut dan menyediakan persekitaran pelaburan yang menarik dan berdaya saing tetap dilakukan oleh negara-negara individu.<sup>10</sup> Untuk mendapatkan kembali pelaburan ke dalam ASEAN, kerajaan ASEAN haruslah melaksanakan pembaharuan di negara masing-masing, iaitu, memperbaharui peraturan dan penyeliaan kewangan, mengurangkan kronisme, meningkatkan keluwesan, dan sambutan yang baik terhadap pelabur (Lasserre & Schutte, 1999: 23).

<sup>9</sup> Krisis kewangan Asia diakibatkan oleh pengaliran pelaburan jangka pendek yang telah "menghangatkan" spekulasi dalam saham dan sektor harta tanah. Pengaliran keluar pelaburan jangka pendek tersebut akibat panik dan ketidak yakinan para pelabur akhirnya mengurangkan keyakinan dalam pasaran saham dan mata wang di rantau Asia (Foong, 1999: 37).

<sup>10</sup> Contohnya, Brunei membenarkan 100 peratus pemilikan ekuiti asing dalam pembuatan teknologi tinggi dan industri berorientasikan eksport. Indonesia pula menawarkan pelabur yang layak 100 peratus pemilikan ekuiti asing dalam syarikat-syarikat borong dan perdagangan runcit dan sektor pembuatan. Laos pula membenarkan pengecualian cukai terhadap barang modal yang diimport yang diperlukan oleh projek pelaburan (AIA: 1999).

## **"Krisis ekonomi" ASEAN?**

Tahun 1998 terbukti satu tahun yang sukar untuk negara-negara ASEAN tetapi prospek ekonomi untuk tahun-tahun seterusnya dijangka akan bertambah baik. Kebanyakan negara-negara di rantau tersebut telah menunjukkan tanda-tanda pemulihian ekonomi tetapi segalanya masih bergantung kepada pembaharuan yang dilakukan oleh negara-negara individu dan perkembangan dalam rakan-rakan ekonomi utama ASEAN. Terdapat tanda-tanda positif pemulihian ekonomi seperti pasaran pertukaran asing yang kembali stabil, peningkatan dalam lebihan akaun semasa dan rizab, penurunan dalam kadar bunga domestik, pemulihian pasaran saham, serta peningkatan sentimen pengguna dan industri pembuatan.

Usaha bersungguh ASEAN untuk memulihkan ekonomi di rantau tersebut telah menampakkan hasil yang boleh dibanggakan. Hasil boleh diukur dari segi peningkatan dalam jumlah import dan eksport inter dan intra-ASEAN. Eksport ASEAN pulih pada tahun 1999, tumbuh sebanyak 6.4 peratus daripada US\$322.8 bilion pada 1998 kepada US\$343.4 bilion pada 1999. Pertumbuhan ini didorong oleh kekuatan ekonomi Amerika Syarikat, pembesaran ekonomi Eropah dan pemulihian ekonomi Asia Tenggara. Import yang pernah berkurang semasa krisis, kini meningkat daripada US\$268.8 bilion pada 1998 kepada US\$281.8 pada 1999. Malaysia dan Filipina mengalami pertumbuhan dua-digit dalam eksport, dengan masing-masing mencatat pertumbuhan sebanyak 15 peratus dan 19 peratus. Sementara itu, Malaysia dan Thailand menunjukkan peningkatan yang mendadak dalam import dengan masing-masing mencatat pertumbuhan sebanyak 12 peratus dan 18 peratus (ASEAN, 2000; Severino, 2000).

ASEAN turut mengalami lebihan dagangan yang besar untuk dua tahun berturut-turut. Lebihan dagangan ini meningkat daripada US\$24.3 bilion pada separuh pertama 1998 kepada US\$27.3 bilion pada separuh pertama 1999, iaitu mengalami pertumbuhan sebanyak 12.3 peratus. Lebihan dagangan dicatatkan dengan Amerika Syarikat sebanyak US\$12.2 bilion, Kesatuan Eropah sebanyak US\$6.9 bilion dan India sebanyak US\$1.5 bilion. Meskipun mengalami pertumbuhan positif, ASEAN terus mengalami defisit yang besar dengan Jepun iaitu sebanyak US\$5 bilion pada separuh pertama 1999, walaupun ternyata rendah daripada yang dicatatkan pada tahun sebelumnya, iaitu US\$7.4 bilion pada separuh pertama 1998 (ASEAN, 2000).

Peningkatan dalam import bukan hanya menandakan pertambahan dalam penghasilan keperluan untuk eksport, tetapi juga dalam

permintaan domestik termasuk untuk perumahan, harta komersil dan barang automotif. Persekutuan Industri Automotif ASEAN melaporkan bahawa jualan automobil di Indonesia, Malaysia, Filipina dan Thailand meningkat sebanyak 67 peratus, daripada 273,000 unit pada separuh pertama 1999 kepada 456,000 unit pada separuh pertama 2000. Di Indonesia sahaja, jualan kereta melonjak sebanyak 455 peratus sepanjang tempoh tersebut, daripada 24,000 kepada hampir 127,000 unit. Industri automobil menganggarkan bahawa permintaan untuk automobil di pasaran enam buah negara ASEAN tersebut akan mencecah 1.4 juta unit pada 2003 dan 1.6 juta unit pada 2002, jauh melebihi tahap jualan sebelum Asia Tenggara dilanda krisis kewangan (Severino, 2000).

Bukan hanya perdagangan dan pelaburan intra-ASEAN yang berkembang, tetapi begitu juga dengan perdagangan dan pelaburan asing dengan negara-negara lain di dunia. Amerika Syarikat, misalnya, sehingga ke hari ini kekal sebagai pasaran eksport utama bagi kebanyakan negara ASEAN. Pertukaran ekonomi negara-negara ASEAN yang dilakukan dengan negara-negara Eropah juga jauh melebihi pertukaran dengan negara-negara jiran. Namun selepas berlakunya krisis ekonomi Asia, negara-negara rantau Asia, terutamanya negara-negara ASEAN, mendapati mereka semakin banyak bergantung kepada bantuan kewangan dan teknologi dari Jepun (Lasserre & Schutte, 1999: 6; ASEAN Secretariat, 1999).

## **Inisiatif e-ASEAN**

Selaras dengan perkembangan pesat dalam perdagangan elektronik dan keperluan untuk ASEAN membangunkan kepakaran ASEAN agar bersaing dalam ekonomi dunia yang berdasarkan pengetahuan (*k-economy*), e-ASEAN Framework Agreement telah ditandatangani oleh Menteri-menteri Ekonomi ASEAN di Sidang Kemuncak Tidak Rasmi ASEAN ke-4 pada 25 November 2000 di Singapura. Rancangan tersebut akan mengenal pasti infrastruktur fizikal, perundangan, sosial dan ekonomi yang diperlukan dalam mempromosi ruang siber ASEAN untuk pembangunan dan penggunaan teknologi dan komunikasi maklumat untuk e-dagang, kerajaan serta pembangunan sosial dan kemanusiaan. Ini melibatkan pergerakan bebas barang dan perkhidmatan ICT serta latihan untuk masyarakat ASEAN dalam bidang ini.<sup>11</sup>

<sup>11</sup> Menteri-menteri Telekomunikasi ASEAN buat pertama kalinya berkumpul di Kuala Lumpur pada 13 Julai 2001 untuk membincangkan isu-isu seperti jurang digital, pembangunan prasarana telekomunikasi dan pembangunan manusia di rantau ASEAN (Utusan Sarawak, 12 Julai 2001: 12).

Isu-isu dasar berkaitan dengan pasaran elektronik di ASEAN seperti undang-undang siber, sistem pesanan yang selamat, arah masuk bayaran, serta perkhidmatan dan produk dalam talian turut dibentuk. Untuk memusatkan kesesakan internet dalam rantau ASEAN dan menggalakkan perkembangan kandungan dan perkhidmatan ASEAN, sebuah infrastruktur maklumat ASEAN sedang dilaksanakan. Ia menyatakan langkah-langkah untuk merapatkan "jurang digital" di rantau ASEAN. "Jurang digital" bermaksud perbezaan di dalam penglibatan dan kemampuan negara-negara individu ASEAN dalam penggunaan teknologi maklumat (ASEAN, 2000).

Selain itu, ASEAN turut melicinkan aliran barang dan perkhidmatan ICT di rantau tersebut di samping mempromosi pelaburan dalam sektor tersebut. Duti dan halangan bukan tarif terhadap perdagangan intra ASEAN dalam barang ICT akan dihapuskan mengikut tiga peringkat. Ini bermakna liberalisasi untuk kebanyakan barang akan lengkap pada 1 Januari 2006 manakala negara-negara ASEAN baru hanya akan memulakan langkah ini pada 1 Januari 2008.

Untuk mempromosikan komuniti e-ASEAN, negara-negara ahli digalakkan membangunkan kemahiran dan kepakaran dalam penggunaan ICT melalui latihan dan bertukar pengalaman. Negara-negara ahli yang lebih membangun dan cekik ICT diminta membantu negara-negara ahli yang kurang membangun untuk pembinaan kapasiti ini melalui perkongsian sumber latihan (The Fourth ASEAN Informal Summit, 2000).

ASEAN turut berjanji untuk meningkatkan perkhidmatan kerajaan menggunakan ICT untuk menjadikan kerajaan lebih berkesan dan maklumat tersebar luas. Ini kerana menerusi penggunaan ICT, lebih ramai masyarakat boleh dihubungi jika dibandingkan dengan cara konvensional. Sekaligus, ini berupaya meningkatkan interaksi antara kerajaan dan rakyat.

## Kesimpulan

Pencapaian ASEAN dalam integrasi ekonomi berlaku ketika pesatnya proses globalisasi, perkembangan dalam teknologi dan pertumbuhan ekonomi liberal seperti China dan India. Ini semua menyebabkan persaingan untuk pelaburan dan pasaran menjadi semakin kuat. Di seluruh dunia, ekonomi benua, kawasan perdagangan bebas serantau dan pelbagai bentuk perkongsian ekonomi telah dibentuk. Perkembangan ini semuanya mendatangkan cabaran kepada ASEAN, bagaimana untuk melaksanakan kerjasama ekonomi dengan negara dan blok-blok ekonomi tersebut, dan bagaimana untuk mengukuh dan

mempercepatkan integrasi ASEAN dalam dunia yang semakin berdaya saing. ASEAN harus menghadapi cabaran-cabaran tersebut dan pada masa yang sama mengambil kira kepentingan negara dan keutamaan setiap negara ahli di samping perbezaan pembangunan ekonomi di rantau tersebut.

Apa yang menyebelahi ASEAN, asas untuk integrasi ekonomi ASEAN telah dibina dan diuji semasa krisis ekonomi Asia. Dekad pertama pada alaf baru ini sepatutnya melihat ASEAN merealisasikan integrasi ekonomi seperti yang telah diimpikan oleh pengasas pertubuhan tersebut tiga dekad lepas. Yang pasti, proses integrasi ekonomi yang mantap, pertumbuhan semula ekonomi ASEAN, pembinaan infrastruktur serantau dan komitmen ASEAN dalam "industri masa depan"<sup>12</sup> semuanya menjadi asas yang kukuh dan subur untuk ASEAN mengulangi kegemilangan zaman "Keajaiban Ekonomi" ASEAN dekad lepas. Krisis ekonomi yang melanda Asia dikatakan mempunyai hikmah di sebaliknya, bukan merosakkan program ASEAN yang sedia ada untuk sebuah rantau yang integrasi. Hubungan negara-negara ASEAN yang semakin rapat sejak dekad lepas bermaksud bahawa masalah yang dialami oleh sebuah negara ahli akan memberi impak yang kuat pada kadar yang segera terhadap negara ahli lain. Perkara ini dibuktikan oleh krisis kewangan Asia atau "jangkitan Asia" yang menular dari satu negara ke negara lain sehingga dengan pantas membelenggu seluruh rantau Asia. Tetapi keakraban hubungan negara-negara ahli tidak boleh diungkaikan dan pengasingan bukanlah satu pilihan pada era globalisasi ini. Meskipun goyah dilanda krisis ekonomi, ASEAN tetap komited untuk melaksanakan integrasi ekonomi serantau.

Adakah ASEAN serta rantau Asia akan mengulangi keajaiban ekonomi yang pernah menggemparkan dunia pada dekad lepas? Walaupun tanda-tanda pemulihan ekonomi di rantau tersebut menunjukkan trend yang positif, adalah masih terlalu awal untuk kita membuat andaian dan kesimpulan. Apa yang pasti, pencapaian ekonomi ASEAN bukanlah satu keajaiban, tetapi merupakan hasil usaha yang bersungguh dan tekun serta dasar pragmatik yang mereka amalkan. Dari aspek politik pula, ramai pemerhati (antaranya Johannen, Rudolph & Gomez, 2000; Lasserre & Schutte, 1999; dan Pempel, 1999) berpendapat bahawa krisis ekonomi ASEAN hanya akan benar-benar pulih setelah berlakunya reformasi politik di setiap negara menuju ke arah keterbukaan demokrasi dan politik.

<sup>12</sup> ASEAN turut berusaha untuk berdaya saing dalam industri maklumat serta perniagaan yang melibatkan maklumat dan teknologi komunikasi.

## Rujukan

- ASEAN investment. 2000. <http://www.aseansec.menu.asp?action=4&content=11>.
- AIA. ASEAN investment area: an update. 1999. [http://www.aseansec.org/general/publication/aia\\_upd.htm](http://www.aseansec.org/general/publication/aia_upd.htm).
- ASEAN Secretariat. 1999. Recent developments in ASEAN economic integration. Jakarta. [http://www.aseansec.org/general/publications/as\\_ei.htm](http://www.aseansec.org/general/publications/as_ei.htm).
- ASEAN, member states remain committed to regional economic integration. 2000. [http://some1015.virtualave.net/vision%20report%2099-00%20\(Eco\).htm](http://some1015.virtualave.net/vision%20report%2099-00%20(Eco).htm).
- Buytsov, V.V. 1999. "The expansion of the ASEAN Zone: The problem of changes of the configuration of the community and its place in the world economy". Dlm. *Indochina in the 1990s*, Bektimirova, N.N. & Dolnikova, V.A. (ed). [http://www.iaas.msu.ru/pub\\_e/online\\_e/indochina.html](http://www.iaas.msu.ru/pub_e/online_e/indochina.html).
- Economic cooperation. 1999. <http://www.aseansec.org/asc/r9899/ar98993.html>.
- Fischer, T. 1997. *The new ASEANs--Vietnam, Burma, Cambodia and Laos*. Melbourne: East Asia Analytical Unit Report. [http://www.dfat.gov.au/media/speeches/trade/1997/new\\_aseans.html](http://www.dfat.gov.au/media/speeches/trade/1997/new_aseans.html).
- Foong Wai Fong. 1999. *The new Asian way: Rebuilding Asia through self-reliance*. Selangor: Pelanduk Publication.
- Hamilton, G. 1999. "Asian business networks in transition: or, what Alan Greenspan does not know about the Asian business crisis". Dlm. *Politics of the Asian Economic Crisis*, Pempel, T.J. (ed). Ithaca: Cornell University Press.
- Johannen, U., Rudolph, J. & Gomez, J. 2000. *The Political Dimensions of the Asian Crisis*. Singapore: Select Books.
- Lasserre, P. & Schutte, Hellmut. 1999. *Strategies for Asia Pacific: Beyond the Crisis*. London: Macmillan.
- Pempel, T.J. (ed.) 1999. *Politics of the Asian Economic Crisis*. Ithaca: Cornell University Press.
- Pempel, T.J. 1999a. "Regional Ups, Regional Downs". Dlm. *Politics of the Asian Economic Crisis*, Pempel, T.J. (ed). Ithaca: Cornell University Press.
- Severino, R.C. 2000. *ASEAN Today -- New Opportunities for Business*. [http://www.aseanorg/secgen/sg\\_nob.html](http://www.aseanorg/secgen/sg_nob.html).
- The Fourth ASEAN Informal Summit. 22-25 November 2000. *ASEAN Leaders Adopt e-ASEAN Agreement. Singapore*. [http://www.aseansec.org/summit/infs4\\_alag.html](http://www.aseansec.org/summit/infs4_alag.html).
- Utusan Sarawak*, 12 Julai 2001.
- Winters, J.A. 1999. "The Determinant of Financial Crisis in Asia". Dlm. *Politics of the Asian Economic Crisis*, Pempel, T.J. (ed). Ithaca: Cornell University Press.

# INDEKS

## A

Abu Sayaff, 57  
Abdul Mutalib, 44  
Akta Imigresen 1959, 45  
Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), 7, 18, 128  
Akta Zon Ekonomi Ekslusif (ZEE), 57  
Alexius Tocquerville, 4  
Anderson, 72  
Aristotle, 2, 8  
ASEAN (*Association of South East Asian Nations*), 21, 28-29, 34-35, 88, 96, 100-111, 112-123, 126, 134, 136-140, 142, 144, 147-152  
ARF (*ASEAN Regional Forum*), 148, 159  
Anugerah Alam Sekitar, 129  
Dasar tidak campur tangan, 151  
*Experts Group on the Environment* (AEGE), 127  
Keahlian, 149  
Perjumpaan Menteri Alam Sekitar, 133  
Perjumpaan Menteri Luar, 134  
Program Alam Sekitar (ASEP), 127-128  
Pegawai-pegawai Kanan Alam Sekitar (ASOEN), 128  
TAC (*Treaty of Amity and Coorporation*), 147  
Timor Timur, 34, 35, 142-152  
ZOPFAN (*Zone of Peace, Freedom and Neutrality*), 28, 29, 148, 151

Asia Timur, 55  
Athens, 2-4  
Amerika Syarikat  
    Dewan Senat, 5  
    Dewan Perwakilan, 95

hubungan China, 153-154, 156-158  
Presiden, 155  
Strategi keselamatan, 155  
Unipolar, 156  
Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI), 91  
Angkatan Laut Tentera Nasional Indonesia (AL-TNI), 58, 63  
Apartheid, 24, 26  
ASEAN *Regional Forum*, lihat ASEAN  
Autonomi, 5, 144  
Autoriti, 5  
Authoritarian, 83

## B

badan bukan kerajaan, 8, 17, 136-137  
Bank Pembangunan Asia (ADB), 133  
Barisan Nasional (BN), 14  
    aman web, 14  
Barisan Alternatif (BA), 14  
Bario, Sarawak, 66, 69-74  
Barr, 66  
Bill Clinton, 155  
B.J. Habibie, 142, 144  
Britain  
    Westminister, 4  
Bruno Manser, 135

## C

*Check and balance*, 9  
China, 155-156  
    *Century of shame*, 156  
Hubungan Amerika Syarikat, 153-158,  
    *Middle Kingdom*, 156, 160  
Penaklukan wilayah, 156  
    Pulau Hainan, 157

- O**
- One China Principle*, 161
  - Taiwan, 156
  - Clad, 138
  - Collins, 138
  - Confidence building*, 159
- D**
- Dadah, 60
  - Dana Alam Sekitar Sedunia (WWF), 131
  - Dato Tajol Rosli, 39
  - Defisit, 120
  - demos*, 2
  - Demokrasi, 1, 2
    - berparlimen, 4
    - Berpresiden, 4-5
    - Digital, 2, 5, 18
    - Internet, 2, 5, 7, 11, 15
    - Kumpulan pendesak, 16
  - Partisipasi, 8
  - Depo Tahanan PATI, 43
  - Dewan Rakyat, 15
  - Dewan Undangan Negeri Sarawak, 15
  - Diplomasi
    - apology*, 163
- E**
- e-dagang, 121
- F**
- FRETILIN, 143
- G**
- Globalisasi, 82, 113
  - Greek, 2
  - Grossman, 7
- H**
- Hauge, Belanda, 61
  - Hauge dan Loader, 6
  - H. Osman Rani, 40
- I**
- Iban, 136
  - imperialisme kehijauan, 128
  - Indeks Pencemaran Udara Malaysia (MPI), 131
  - Indonesia, 142, 150
    - Tentera Nasional Indonesia (TNI), 145
  - Internet, 2, 5-18
  - INTERFET, 146, 150-151
  - International Maritime Organization* (IMO), 61
  - International Monetary Fund (IMF)*, 81, 82, 91
  - Integrasi Ekonomi, 112-115
- J**
- Jabatan Alam Sekitar Malaysia, 132
  - Jabatan Imigresen, 39
  - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia, 59
  - Jabatan Perhutanan Sarawak, 135
  - Jakarta Post*, 136
  - jalan tikus, 43, 48
  - jerebu, 126
  - Jurang digital, 67
  - Jurang Kemiskinan, 67
  - Jawatankuasa Khas Persekutuan (JKP), 39
- K**
- K-ekonomi, 67
  - Kapitalisme kroni, 113
  - Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA), 100-102, 104-111, 115-116, 118
  - Kawasan Perlburan (AIA), 114, 119
  - kawasan Maritim Negara, 54
  - kawasan luar bandar, 68
  - kaum imigran, 37
  - Keajaiban ekonomi, 81, 112, 123
  - kebakaran hutan, 130, 133
  - Kelabit, 71, 73

- Kepentingan Nasional, 22, 25  
 Kepulauan Spartly, 56, 60  
 Kementerian Dalam Negeri, 48  
 Kementerian Pendidikan, 42  
 kepadatan telefon, 70  
 Kerjasama Industri ASEAN (AICO),  
     114  
 Kesatuan Eropah, 101, 105, 126  
 Khmer Rouge, 29, 87  
 Konflik etnik, 90  
 Komando laut PASKAL, 64  
 Konfrontasi, 63, 158  
 Konvensyen Undang-undang Laut  
     (KUUL), 54, 60  
 Kofi Annan, 34, 143  
 Koridor Raya Multimedia (MSC), 10,  
     12  
*Kratos*, 2  
 Krisis,  
     Krisis kewangan, 81, 114, 121,  
     123, 125, 133  
     Krisis Pueblo, 157  
 Krisis Timor Timur, *lht.* Timor Timur  
 Kumpulan pendesak, 16, 17  
 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja  
     (KWSP), 41
- L**  
 Laut China Selatan, 55  
 Laut Sulu, 56  
 Laut Sulawesi, 56
- M**  
 Mahathir Mohamad, 29-32, 83, 128  
 Dewan Negara, 4  
 Dewan Perwakilan, 4  
 Dewan Rakyat, 4  
     Dewan Undangan Negeri, 4  
 Malaysiakini, 12  
 Marudi, 71  
 Media  
     Online, 10, 16  
     Massa (cetak & elektronik), 11
- Middle Kingdom*, lihat China  
 Miri, 73  
 Morino Institut, 68  
 Mohd Asri Abdullah, 41  
 Montes, 133
- N**  
 Najib Tun Razak, 134  
 Nilai Asia, 82-83  
 nilai sejagat, 83
- O**  
 Operasi Nyah I dan Nyah II, 47  
 Operasi Tuku, 47  
 Organisasi Antarabangsa Balak  
     Tropika (IITO), 135, 139  
 Osilasi EL Nino (ENSO), 130
- P**  
 Pantai Timur Sabah, 57  
 Parlimen, 12, 13  
     Eksekutif, 4, 7  
     Kehakiman, 4, 7  
     Online, 10  
     Perundangan, 5, 7  
 Pertelingkahan sempadan, 60  
 Perlanggaran jet China, 156-158  
 Pelaburan Langsung Asing (FDI), 118  
 Pembangunan ICT, 66, 70  
 Pembangunan Sosial, 68  
 Pencerobohan Perairan Negara, 56  
 Pencemaran Kawasan Maritim, 58-59  
 Pendatang asing tanpa izin (PATI), 37,  
     40-41, 45  
 Pendekatan *participatory*, 73  
 Perang Dingin, 28, 162  
 Persidangan Stokholm, 127, 132  
 Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu  
     (PBB), 20-21, 27, 31, 35, 144-146  
     *Conference on Environment and  
     Development* (UNCED), 128  
 INTERFET, 146, 150-151  
 Majlis Keselamatan, 33, 143

- P**
  - Program Alam Sekitar (UNEP), 127
  - Timor Timur, 144-145
  - UNAMET, 144-154
  - Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), 41
  - Pertumbuhan Segi tiga, IMT-GT, 63  
SIJORI, 63
  - Perang Dingin, 28, 153-159, 163
  - PETRONAS, 55
  - Plato, 8
  - Pol Pot, 29
  - Politik wang, 7
  - Politik online, 13
  - Pontianak, Kalimantan, 44
  - Power vacuum*, 154
  - Pulau Hainan, *lht.* China
  - Putrajaya, 10
  - Presiden
    - Bush, 158-160
    - Jiang Zemin, 158-160
  - Taiwan, 160
  - Projek e-Bario, 74
  - Program Pemutihan, 41, 46
- T**
  - Taiwan, 157-158, 160, 162
  - Taman Negara Batuang Kariman, 135-136
  - tekong darat, 42
  - tekong laut, 57
  - Telekom Malaysia, 71
  - Teori Utopia, 7
  - Thomas Jefferson, 4
  - Timor Timur, 143-144
  - Treaty of Amity and Cooperation, lht.* ASEAN
  - Tentera Nasional Indonesia, *lht.* Indonesia
  - Top-down approach*, 72, 137
  - Twin Otter*, 72
- U**
  - UNIMAS, 69
  - UNAMET, 144, 145, 146
- V**
  - VHF (*Very High Frequency*) radio, 71
  - Victor, 134
  - VSAT, 71
- R**
  - Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7), 38
  - Rancangan Malaysia Ke-8, 64
- S**
  - Selat Gibraltar, 55
  - Selat Melaka, 55
  - Santuari Hidupan Liar Lanjak Entimau, 135-136
  - Sistem Kawalan Laut (SKL), 62
  - Soft power*, 161
  - strategic partnership*, 158
  - strategic competitive*, 158
  - Suruhanjaya Pilihan Raya, 14
- W**
  - Weapon of Mass Destruction* (WMD), 161
- Y**
  - Yang di-Pertuan Agong, 4
- Z**
  - Zon Ekonomi Ekslusif (ZEE), 57, 63-64
  - Zulkifli Osman, 40

## Perkembangan Politik – Ekonomi Di Malaysia Dan Asia Timur

Buku ini mengandungi sebelas artikel yang telah dihasilkan oleh pensyarah dari Kumpulan Teras Politik dan Kajian Antarabangsa, Universiti Malaysia Sarawak. Artikel-artikel yang terkandung di dalam buku ini merupakan himpunan artikel-artikel yang telah dibentangkan dalam dua seminar dalaman yang bertajuk Politik Malaysia dan Isu-isu Serantau yang diadakan pada tahun 1999 dan 2001.

Kandungan buku ini dibahagikan kepada dua bahagian yang utama. Bahagian pertama membicarakan topik yang menyentuh perkembangan politik dalam era digital serta beberapa perkembangan dalam dasar awam negara termasuk dasar luar, dasar terhadap pendatang asing tanpa izin, dasar terhadap maritim negara dan usaha kerajaan untuk memperkembangkan pembangunan ICT kepada masyarakat luar bandar di Malaysia. Manakala bahagian kedua pula membincangkan perkembangan ekonomi yang berlaku di rantau ASEAN dan Asia Timur.

Buku ini boleh dijadikan sebagai bahan rujukan berguna kepada para pensyarah dan pelajar dalam bidang Sains Politik, Sains Dasar dan Kajian Antarabangsa, dan orang awam yang berminat untuk mengetahui perkembangan politik dan ekonomi di Malaysia dan Asia Timur.

**AHMAD NIZAR YAAKUB** dilahirkan pada 8 Oktober 1968 di Kuala Lumpur. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda (Sains Politik) dari Universiti Flinders, Australia pada tahun 1994. Selanjutnya beliau menyambung pelajaran ke Waikato Universiti, New Zealand dan memperoleh Ijazah Sarjana Sains Sosial (Hubungan Antarabangsa) pada tahun 1997. Pada tahun 1998 beliau telah mengikuti kursus jangka pendek selama dua bulan dalam Politik di Amerika Syarikat atas biaya '*United States Information Agency*' (USIA-SIUC di Washington D.C.). Beliau aktif dalam penulisan mengenai politik, ekonomi dan isu hubungan antarabangsa semasa. Kini, beliau bertugas sebagai Pensyarah di Fakulti Sains Sosial, Unimas.

**MOHD FAISAL SYAM ABDOL HAZIS** dilahirkan pada 8 Julai 1974 di Kuching, Sarawak. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda (Sains Politik) daripada University of Oregon pada tahun 1997. Selanjutnya, Beliau mendapat Ijazah Sarjana (Sains Politik) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1999. Pernah menghasilkan buku bertajuk *Tingkah Laku Pengundian Dalam Pilihan Raya Parlimen Sarawak* pada tahun 2002 bersama Neilson Ilan Mersat dan Ahì Sarok. Kini beliau bertugas sebagai Ketua Program Politik & Pemerintahan, Fakulti Sains Sosial, Unimas.

**AHI SAROK** dilahirkan di Kampung Mambong, Kuching, Sarawak. Mendapat pendidikan awal di SMK Penrisen No. 1, Kuching. Beliau memperoleh Diploma Pentadbiran Awam dari UiTM Sabah pada tahun 1983 dan Sarjana Muda Pentadbiran Awam dengan Kepujian Kelas Dua Atas daripada Universiti Utara Malaysia pada tahun 1993. Selanjutnya, beliau mendapat Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam daripada University of Queensland pada tahun 1997. Beliau bertugas sebagai Pensyarah Program Politik dan Pemerintahan, Fakulti Sains Sosial. Pada tahun 2002, beliau menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Setahun berikutnya, sempena menyambut perayaan Jubli Delima, beliau telah dianugerah pingat kebesaran, Bentara Bintang Sarawak (BBS), oleh Kerajaan Negeri Sarawak, atas jasa dan sumbangan beliau yang bergiat aktif dalam beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

ISBN 983-9257-12-9



9 789839 257120